

3756/1
Prinsip
Perakaunan
Kertas 1
Mei
2010
 $1\frac{1}{4}$ jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

**PEPERIKSAAN OTI 1 2010
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan **semua** jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.
4. Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan adalah dibenarkan.

Disediakan oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU ANJUNG ILMU

Dicetak oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak

**[Lihat sebelah
SULIT**

- 1 Syarikat Kencana Motors yang mempunyai Modal Berdaftar RM500 juta merekod pembelian mesin kira RM400 sebagai belanja manakala Kedai Runcit Ana merekod pembelian mesin kira yang sama sebagai aset bukan semasa..

Pernyataan ini merujuk kepada konsep

- A Wang sebagai ukuran
B Kos sejarah
C Berterusan
D Materialiti
- 2 Encik Faiz memulakan perniagaan Pasar Mini Faiz pada 1 Julai 2007. Bilakah tempoh perakaunan kedua bagi Pasar Mini Faiz berakhir?
- A 31 Disember 2008
B 30 Jun 2008
C 30 Jun 2009
D 31 Jun 2009
- 3 Maklumat berikut menunjukkan ciri-ciri satu bentuk perniagaan.

- * Liabiliti pemilik terhad
- * Bilangan pemilik 2 hingga 50 orang
- * Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- * Laporan kewangan tidak diumumkan kepada orang ramai

Perniagaan manakah yang menepati ciri-ciri tersebut?

- A Perniagaan Khalidah Adibah
B Peguambela & Peguamcara Khalidah & Adibah
C Khalidah Adibah Sendirian Berhad
D Khalidah Adibah Berhad

4 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Izzul pada 31 Disember 2009:

Ekuiti Pemilik (RM)	Aset (RM)	Liabiliti (RM)
X	56 000	25 600
40 500	Y	34 400

Hitungkan nilai X dan Y.

	X	Y
A	30 400	6 100
B	30 400	74 900
C	81 600	6 100
D	81 600	74 900

5 Antara butir-butir berikut, yang manakah dikategorikan sebagai liabiliti?

- I Kenderaan, Pinjaman
- II Stok akhir, Bank
- III Pinjaman bank, Pemiutang
- IV Gaji terakru, Komisen diterima terdahulu

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

6 Data 1 menunjukkan aset dan liabiliti Perniagaan Maju pada 31 Mac 2010.

	RM
Stok 31 Mac 2010	5 700
Penghutang	6 580
Pemiutang	10 880
Bank	8 600
Sewa belum terima	550
Kadar bayaran terakru	250
Kenderaan	35 000

Data 1

Hitungkan modal Perniagaan Maju pada 31 Mac 2010.

- A RM53 900
- B RM45 800
- C RM45 300
- D RM44 200

7 Semua kenyataan di bawah adalah menerangkan tentang dokumen perniagaan kecuali:

- A bukti bertulis berlakunya sesuatu perniagaan
- B bahan rujukan untuk merekod dalam lejar
- C dokumen seperti nota serahan tidak direkod dalam buku perakaunan
- D hanya akan difailkan dengan sistematik

Soalan 8 dan 9 adalah berdasarkan dokumen 1:

SALINAN		PERNIAGAAN RUSYDA No. 2 Jalan Dungun 21600 Marang Tel.: 09-6178585		No.: 2448
Kepada Puan Qanitah 44 Kampung Taliair 20100 Kuala Terengganu Terengganu.		<div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">INVOIS</div> Tarikh: 17 Febuari 2010		
KUANTITI	BUTIRAN	HARGA SEUNIT RM	JUMLAH RM	
30 kg	Sotong kering	50.00	1 500.00	
50 kg	Keropok ikan	6.00	300.00	
Tolak : Diskaun niaga 5%			1 800.00 90.00	
JUMLAH			1 710.00	
(Ringgit : Satu ribu tujuh ratus sepuluh sahaja) Syarat: 5% 5 hari, 2% 10 hari Angkutan Dibayar K. & K. Dik.				
		<i>Qanitah</i> Penerima	<i>Rusyda</i> Pengurus	

DOKUMEN 1

- 8 Apakah buku catatan pertama yang digunakan oleh Perniagaan Rusyda untuk mencatat urus niaga tersebut?
- A Buku Tunai
 - B Jurnal Am
 - C Jurnal Belian
 - D Jurnal Jualan
- 9 Puan Qanithah telah menjelaskan hutangnya pada 20 Februari 2010. Kirakan jumlah diskaun tunai yang diperolehinya.
- A RM34.20
 - B RM36.00
 - C RM85.50
 - D RM90.00

MEMO
Tarikh: 1 Mac 2010
Kepada: Kerani Akaun
Sebuah komputer peribadi pemilik bernilai RM2 500 dibawa masuk untuk kegunaan pejabat
Nusrah Pengurus

DOKUMEN 2

- 10 Nyatakan catatan bergu yang akan dibuat berdasarkan dokumen 2.
- A Debit Akaun Modal, kredit Akaun Alatan Pejabat
 - B Debit Akaun Alatan Pejabat, kredit Akaun Modal
 - C Debit Akaun Ambilan, kredit Akaun Alatan Pejabat
 - D Kredit Akaun Alatan Pejabat, debit Akaun Ambilan

11 Antara yang berikut , urus niaga yang manakah dicatat dalam Jurnal Am?

- I Ambilan barang niaga untuk kegunaan promosi.
- II Belian dan jualan aset bukan semasa secara tunai.
- III Belian dan jualan aset bukan semasa secara kredit.
- IV Memasukkan aset sebagai modal tambahan.

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

12 Data diperoleh dari Imbangan Duga Qayyah Enterprise pada 31 Disember 2009.

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Belian	16 500	
Jualan		12 600
Pulangan masuk		210
Angkutan masuk	450	

Imbangan Duga di atas didapati tidak seimbang kerana berlaku kesilapan catatan. Apakah kesilapan tersebut?

- A Belian
- B Jualan
- C Pulangan masuk
- D Angkutan masuk

13 Antara berikut, yang manakah tidak diambil kira semasa mengira modal kerja perniagaan?

- A Stok
- B Pemiutang
- C Insurans terdahulu
- D Mesin dan jentera

14 Encik Alif seorang pembekal barang ganti komputer ingin mendapat maklumat mengenai pemiutang perniagaan beliau. Di manakah beliau boleh mendapatkan maklumat berkenaan?

- A Lejar am
- B Lejar jualan
- C Lejar belian
- D Lejar subsidiari

15 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Kemboja Seri.

Kedai Rossa					
2010		RM	2010		RM
Mei 23	Pulangan belian	81	Mei 8	Belian	999
28	Bank	918	21	Belian	351

Hitungkan baki akaun di atas pada 31 Mei 2010.

- A Baki debit sebanyak RM351
- B Baki kredit sebanyak RM351
- C Baki debit sebanyak RM1 350
- D Baki kredit sebanyak RM1 350

16 Tujuan menyediakan Imbangan Duga adalah untuk

- I menyemak ketepatan pengiraan catatan yang telah dibuat dalam Buku Catatan Pertama atau lejar.
- II menguji ketepatan catatan bergu dengan membuktikan jumlah semua baki kredit adalah sama dengan jumlah baki selepas pengeposan dari Buku Catatan Pertama
- III menyemak ketepatan pengeposan dari Buku Catatan Pertama ke lejar
- IV memudahkan penyediaan akaun subsidiari

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

17 Antara berikut, akaun yang manakah dicatatkan di ruangan kredit Imbangan Duga?

- I Akaun aset
- II Akaun liabiliti
- III Akaun ekuiti pemilik
- IV Akaun hasil

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

18 Berikut ialah Akaun Kawalan Penghutang bagi Kedai Riang Ria:

2010		RM	2010		RM
Jan 1	Baki b/b	3 240	Jan 31	Bank	10 450
	31 Y	11 665		Pulangan jualan	550
				Baki h/b	3 905
		14 905			14 905

Namakan Y.

- A Jualan
- B Belian
- C Hutang lapuk
- D Diskaun diberi

- 19 Data 2 menunjukkan butiran berkaitan jualan kredit suatu perniagaan pada bulan April 2010.

	RM
Baki awal penghutang	2 380
Baki akhir penghutang	3 160
Bayaran oleh penghutang (termasuk hutang lapuk pulih RM200)	12 450
Pulangan jualan	720

Data 2

Hitungkan jumlah jualan kredit bagi bulan itu.

- A RM12 190
- B RM13 550
- C RM13 750
- D RM13 950
- 20 Apakah catatan bergu untuk merekod stok akhir?
- A Debit - Akaun Stok Akhir,
Kredit - Akaun Perdagangan
- B Debit - Akaun Perdagangan,
Kredit - Akaun Stok Akhir
- C Debit - Akaun Stok,
Kredit - Akaun Perdagangan
- D Debit - Akaun Perdagangan,
Kredit - Akaun Stok
- 21 Yang manakah kenyataan berikut adalah **TIDAK BENAR**?
- A Rugi bersih mengurangkan ekuiti pemilik
- B Untung bersih mengurangkan ekuiti pemilik
- C Ambilan barang niaga mengurangkan ekuiti pemilik
- D Membawa masuk aset peribadi menambahkan ekuiti pemilik

22 Antara berikut pilih aset atau liabiliti sahaja:

- I Sewa diterima
- II Gaji terakru
- III Penghutang
- IV Faedah dibayar

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

23 Pilih pernyataan yang **BENAR**.

- I Gaji terakru mempunyai baki debit
- II Iklan terakru mempunyai baki kredit
- III Faedah diterima terakru mempunyai baki debit
- IV Sewa diterima terdahulu mempunyai baki debit

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Dalam Imbangan Duga, nilai sewa diteima ialah RM5 000. Sewa terdahulu bagi tahun tersebut ialah RM 2 400.

24 Berdasarkan maklumat di atas, nilai sewa diterima yang akan ditunjukkan dalam Akaun Untung Rugi ialah

- A RM 2 400
- B RM 2 600
- C RM 5 000
- D RM 7 400

25 Antara berikut ialah butiran yang dicatat ke dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi:

- I faedah atas modal pekongsi
- II faedah atas pinjaman pekongsi
- III faedah atasambilan pekongsi
- IV gaji pekongsi

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

26 Berikut ialah urus niaga yang berkaitan dengan Akaun Penamat Perkongsian bersama dengan catatan bergu masing-masing. Pilih catatan bergu yang **TIDAK BETUL**.

	Urus niaga	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
A	merekod faedah atasambilan pekongsi	Akaun Semasa pekongsi	Akaun Pengasingan Untung Rugi
B	mencatat kongsi rugi	Akaun Semasa pekongsi	Akaun Pengasingan Untung Rugi
C	merekod bayaran gaji pekongsi	Akaun gaji pekongsi	Akaun Semasa Pekongsi
D	merekod faedah atas pinjaman pekongsi terakru	Akaun Untung Rugi	Akaun Semasa Pekongsi

Soalan 27 hingga 28 berdasarkan maklumat yang berikut:

Akaun Semasa Aiman			
	RM		RM
Faedah atasambilan	80	Baki b/b	5 500
Ambilan	650	Gaji	7 500
Baki h/b	Z	Faedah atas modal	1 000
		Y	550
	<u>14 550</u>		<u>14 550</u>

[Lihat sebelah
SULIT]

- 27 Butir Y mungkin merupakan.....
- I Kongsi rugi
 - II Bonus
 - III Gaji
 - IV faedah atas pinjaman
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
- 28 Z menunjukkan.....
- A hutang pekongsi kepada firma pekongsi.
 - B hutang firma pekongsian kepada pekongsi.
 - C hutang pekongsi kepada bank.
 - D hutang pekongsi berkenaan kepada pekongsi lain.
- 29 Akaun Realisasi ialah akaun sementara yang dibuka semasa proses pembubaran. Antara berikut manakah pernyataan yang tidak benar mengenai Akaun Realisasi?
- A Akaun-akaun aset kecuali tunai atau bank akan didebit dalam Akaun Realisasi.
 - B Aset-aset yang direalis akan dikredit dalam Akaun Realisasi.
 - C Keuntungan atau kerugian pembubaran akan ditentukan daripada Akaun Realisasi.
 - D Diskaun yang diberikan kepada penghutang akan didebit dalam Akaun Realisasi.
- 30 Susun langkah-langkah untuk merekod pembubaran perkongsian.
- I Menjelaskan liabiliti dan belanja realisasi.
 - II Merekod penerimaan daripada jualan aset dan penghutang.
 - III Menutup dan memindahkan semua aset (kecuali bank) ke Akaun Realisasi
 - IV Mengira keuntungan atau kerugian atas pembubaran.

- A III, I, IV dan II
- B III, II, I dan IV
- C II, III, I dan IV
- D II, III, IV dan I

31 Apakah catatan bergu untuk merekod rugi realisasi bagi pembubaran perkongsian?

	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
A	Akaun Modal pekongsi	Akaun Bank
B	Akaun Modal pekongsi	Akaun Realisasi
C	Akaun Bank	Akaun Modal pekongsi
D	Akaun Realisasi	Akaun Modal pekongsi

32 Baki debit dalam Akaun Modal pekongsi menunjukkan kurangan modal pekongsi. Apakah sebab berlakunya kurangan modal?

- I Ambilan pekongsi terlalu tinggi.
 - II Nilai aset yang diambil oleh pekongsi rendah.
 - III Sumbangan modal yang rendah oleh pekongsi.
 - IV Rugi realisasi yang terpaksa ditanggung oleh pekongsi.
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

33 Antara berikut ialah ciri-ciri sebuah syarikat berhad **kecuali**

- A liabiliti yang terhad mengikut jumlah modal sahaja
- B pengasingan fungsi pemilikan dan fungsi pengurusan
- C terbubar sekiranya salah seorang pemegang saham meninggal dunia
- D menambahkan modal melalui terbitan saham

34 Modal berbayar Syarikat Satria Berhad ialah RM1 000 000 yang terdiri daripada 550 000 unit Saham Biasa bernilai RM1.00 setiap satu dan 300 000 unit 8% Saham Keutamaan bernilai RM1.50 setiap satu. Syarikat itu telah mengisytiharkan pembayaran dividen sebanyak 5% kepada pemegang Saham Biasa dan kepada pemegang Saham Keutamaan. Kira dividen Saham Keutamaan.

- A RM15 000
- B RM22 500
- C RM24 000
- D RM36 000

35 Maklumat berikut dipetik daripada Syarikat Mesra Berhad pada 31 Disember 2009:

Modal ini dinyatakan dalam Tatawujud Syarikat dan didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Apakah jenis modal yang dimaksudkan dalam pernyataan di atas?

- A Modal Berbayar
- B Modal Diterbitkan
- C Modal Dibenarkan
- D Modal Belum Diterbitkan

36 Lembaga pengarah Syarikat Riaz Berhad telah memutuskan perkara-perkara berikut:

- (i) membayar dividen interim 3% kepada pemegang Saham Keutamaan dan Saham Biasa pada pertengahan tahun.
- (ii) mengisytihar dividen akhir kepada pemegang Saham Keutamaan dan 12 % untuk pemegang Saham Biasa.

Sulaiman memiliki 5 000 unit 8% Saham Keutamaan RM1.00 sesaham dan 10 000 unit Saham Biasa RM0.50 sesaham dalam Syarikat Riaz Berhad.

Hitungkan jumlah dividen akhir yang akan diterima oleh Sulaiman.

- A RM 750
- B RM 850
- C RM1 000
- D RM2 000

- 37 Pernyataan berikut adalah betul mengenai pengertian Rekod Tak Lengkap **kecuali**:
- A rekod perakaunan yang hilang dan musnah
 - B rekod perakaunan yang tidak disimpan dengan sempurna
 - C rekod perakaunan yang disimpan oleh peniaga kecil-kecilan
 - D rekod perakaunan bagi perniagaan yang tidak menyimpan dokumen sumber dengan lengkap
- 38 Kaedah manakah digunakan untuk menghitung untung atau rugi bersih jika perniagaan tidak merekodkan urus niaganya dengan lengkap?
- A Pelarasan antara aset dengan liabiliti
 - B Persamaan antara hasil dengan belanja
 - C Perbandingan antara ekuiti pemilik dengan ambilan
 - D Perbandingan antara modal awal dengan modal akhir
- 39 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Runcit Amni, sebuah perniagaan yang tidak menyimpan rekod dengan lengkap.

	1 April 2009	31 Mac 2010
	RM	RM
Aset	40 000	40 000
Liabiliti	10 000	6 000

Maklumat tambahan:

Pemilik telah membuat ambilan sebanyak RM300.

Hitung untung atau rugi Kedai Runcit Amni bagi tahun berakhir 31 Mac 2010.

- A Untung RM4 300
- B Rugi RM4 300
- C Untung RM3 700
- D Rugi RM3 700

JIV:

40 Berikut ialah petikan Akaun Modal Bengkel Motosikal Din:

Akaun Modal			
2009	RM	2009	RM
Dis 31 Ambilan	1 500	Jan 1 Baki b/b	28 000
		Dis 31 Bank	3 000

Hitung untung bersih jika baki Akaun Modal pada 31 Disember 2009 adalah RM35 000.

- A RM2 500
- B RM5 500
- C RM8 500
- D RM11 500

KERTAS SOALAN TAMAT